A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG

# Alau'ddin: Perlu pertingkat persembahan

Berita Harian, 29 September 2014, Page 15

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

*Alau'ddin: Perlu pertingkat persembahan*

BELIAU akui berpuas hati dengan persembahan para pesilat negara dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia – mereka berjaya membawa pulang sebanyak tiga emas dan empat perak.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheik Alau'ddin *(gambar kanan)*, akur bahawa pesilat negara perlu mempertingkat persembahan mereka menjelang Kejohanan Pencak Silat Dunia dan Sukan SEA ke-28 tahun depan.

"Kami perlu menambah kekuatan mental dan mengawal prestasi walau dibeban tekanan," kata Sheik Alau'ddin.

Kesemua emas disumbang oleh pesilat seni wanita.

Ini termasuk pesilat wanita terbaik kejohanan, Nur Shafiqa, yang memenangi acara tanding apabila beliau menewaskan pesilat Vietnam dengan markah 4-0.

Penerima biasiswa Spex, Shakir Hamzah dan Nur Alfian Juma'en, yang menyertai acara tanding, dan Muhammad Iqbal Abdul Rahman (seni), memenangi perak dalam acara masing-masing.

Pesilat negara akan bertanding di Eropah dan Malaysia bulan depan sebagai persiapan menjelang kejohanan dunia.

